



# TATAKELAKUAN PEMBEKAL IRON MOUNTAIN

# KANDUNGAN

- /03 PENGENALAN
- /04 NILAI MURNI IRON MOUNTAIN
- /04 KOMITMEN KEPADA ETIKA DAN PEMATUHAN
- /05 PERLINDUNGAN PRIVASI DAN DATA
- /05 AMALAN TEMPAT KERJA BERETIKA DAN ANTIPERHAMBAAN
- /06 KESIHATAN, KESELAMATAN DAN SEKURITI
- /06 ANTIDISKRIMINASI, MENGHORMATI KEPELBAGAIAN  
DAN PELUANG PEKERJAAN SAKSAMA
- /07 PERSEKITARAN DAN KELESTARIAN
- /07 ANTIRASUAH DAN ANTIPENYELEWENGAN
- /08 HADIAH DAN HIBURAN
- /08 MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KEPADA KERAJAAN
- /09 KONFLIK KEPENTINGAN
- /09 PERATURAN SEKATAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
- /09 PERDAGANGAN ORANG DALAM
- /10 ANTITRUST DAN PERSAINGAN ADIL
- /10 PENGGUNAAN SUBKONTRAKTOR
- /10 JENAMA DAN REPUTASI
- /11 MENILAI PEMATUHAN DAN MELAPORKAN PELANGGARAN
- /11 TIADA TINDAKAN BALAS
- /11 TIADA PENCIPTAAN HAK PIHAK KETIGA

# PENGENALAN

---

Kepercayaan. Memang sukar diperoleh dan cukup mudah hilang. Kini, selama hampir tujuh dekad, Nilai murni dan cara kami menghayatinya merupakan sebab utama pelanggan, pembekal dan pemegang saham mempercayai kami. Nilai murni kami ini mendorong tingkah laku dan menyatakan cita-cita kami yang paling diutamakan.

Iron Mountain amat menghargai hubungan pembekalnya dan sebagai penyedia perkhidmatan Iron Mountain yang dipercayai, anda memainkan peranan penting dalam membolehkan kami menghayati Nilai murni dan menepati janji kami: kepada pelanggan kami pekerja kami, pemegang saham kami dan komuniti di tempat kami tinggal dan bekerja.

Tatakelakuan Pembekal Iron Mountain (yang melengkapkan Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan kami) ini menegaskan prinsip, standard dan amalan yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan bersama kami. Kami mengharapkan anda mematuhi setiap satu Kod tersebut, dan menggunakan ia sebagai sumber untuk membantu membekal perkhidmatan yang beretika dan mematuhi undang-undang. Ketahuilah bahawa pelanggaran Kod boleh dianggap sebagai pelanggaran perjanjian anda dengan Iron Mountain - yang boleh mengakibatkan penamatkan hubungan perniagaan kita.

Sekiranya terdapat situasi yang timbul sepanjang tempoh hubungan perniagaan yang mungkin memberikan kesan ke atas keupayaan anda untuk menyediakan perkhidmatan yang konsisten dengan Nilai murni atau Kod kami, sila hubungi wakil Iron Mountain anda atau Pasukan Privasi dan Pematuhan, Jabatan Perundangan kami di [compliance@ironmountain.com](mailto:compliance@ironmountain.com).

# NILAI MURNI IRON MOUNTAIN

---

## BERTINDAK DENGAN INTEGRITI

Kami bersikap terbuka dan jujur serta menghayati nilai murni kami setiap hari.

## KESELAMATAN DAN SEKURITI SENDIRI

Kami melindungi diri kami dan satu sama lain daripada bahaya, dan menjaga aset pelanggan kami seperti menjaga harta benda kami sendiri.

## MEMBINA NILAI PELANGGAN

Kami sentiasa mencari jalan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami dan menambah baik perniagaan mereka.

## MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB

Kami mengambil tanggungjawab peribadi demi kejayaan pasukan, pelanggan dan syarikat kami.

## MEGGALAKKAN PERANGKUMAN DAN KERJA BERPASUKAN

Kami mencari dan menghargai idea dan perspektif unik satu sama lain bagi mendapatkan hasil yang lebih baik.

# KOMITMEN KEPADA ETIKA DAN PEMATUHAN

---

Iron Mountain beroperasi dengan mematuhi undang-undang berkaitan, aturan dan peraturan dengan tegas - tanpa mengira jenis perkhidmatan yang kami sediakan, atau tempat perkhidmatan itu dijalankan. Bagi memastikan pematuhan, kami mengekalkan program etika dan pematuhan yang mantap, asas yang merupakan [Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan kami](#). Kod tersebut memberikan kami hala tuju mengenai tingkah laku beretika dan patuh, serta menyediakan sumber untuk mendapatkan bantuan selanjutnya atau melaporkan pelanggaran. Sebagai syarat pekerjaan, semua pekerja mestilah memperakui Kod tersebut dan dasar syarikat yang lain.

Sebagai penyedia perkhidmatan yang dipercayai, kami menghendaki anda juga beroperasi dengan mematuhi undang-undang dan menjalankan perniagaan selaras dengan Nilai Murni dan Kod Etika serta Tatakelakuan Perniagaan kami. Atas sebab itu, bergantung pada ciri perkhidmatan yang anda berikan (dan terma kontrak anda), anda mungkin diminta untuk menyertai latihan pematuhan, memperakui dasar Iron Mountain yang tertentu, atau mematuhi pelbagai statut dan peraturan.

Sebelum memulakan perkhidmatan anda dengan Iron Mountain, sila biasakan diri anda dengan Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan kami, yang boleh didapati di alamat berikut: [www.ironmountain.com/code](http://www.ironmountain.com/code).

# PERLINDUNGAN PRIVASI DAN DATA

---

Untuk tujuh puluh tahun, Iron Mountain telah memperoleh (dan menjaga) kepercayaan pelanggan kami dengan melindungi maklumat dan aset lain dengan selamat. Iron Mountain mengekalkan kawalan privasi, keselamatan dan perlindungan data yang memenuhi atau melebihi kewajipan undang-undang, kontrak dan ikatan kami yang lain (seperti mengikuti standard industri atau pensijilan).

Apabila anda mengendalikan maklumat atau aset bagi pihak kami - sama ada pekerja atau pelanggan kami - kami menghendaki anda menjaganya dengan selamat, sulit dan menggunakan hanya bagi tujuan yang dibenarkan. Ini bermaksud menggunakan tahap perlindungan yang tidak pernah tergolong di bawah kewajipan undang-undang, kontrak, atau ikatan lain yang terpakai kepada anda.

Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, anda mungkin perlu mengekalkan (dan mempamerkan) kawalan fizikal, teknikal dan pentadbiran yang berkesan ke atas privasi dan sekuriti data atau aset lain yang sedang anda kendalikan. Bergantung pada perkhidmatan yang anda sediakan dan ciri maklumat atau aset yang anda kendalikan bagi pihak kami, anda mungkin juga diminta menjalani Penilaian Risiko Pihak Ketiga atau Penilaian Privasi Vendor Iron Mountain, yang akan membantu menentukan sekiranya perlindungan tambahan adalah wajar.

## AMALAN TEMPAT KERJA BERETIKA DAN ANTI PERHAMBAAN

---

Iron Mountain komited untuk mengamalkan prinsip Nilai murni serta Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaannya di tempat kerja. Oleh itu, kami berusaha secara berterusan untuk menambah baik keadaan pekerjaan pekerja kami dan memenuhi semua keperluan perundangan berkenaan tenaga buruh dan hak pengurusan, upah dan pemotongan, serta waktu bekerja (termasuk kerja secara sukarela). Sebagai pembekal Iron Mountain, kami mengharapkan anda berkongsi dalam komitmen ini dan menghormati mana-mana dan semua hak tersebut.

Tanpa mengambil kira jenis atau lokasi perkhidmatan yang disediakan, pembekal Iron Mountain mesti mematuhi semua perundangan terpakai dan ikatan kewajipan yang lain berkenaan amalan pekerjaan dan keadaan di tempat kerja. Pembekal mesti mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan pekerjanya menepati umur minimum yang sah untuk bekerja dan perkhidmatan mereka adalah khusus secara sukarela - yang bermaksud bahawa ia tidak boleh melibatkan tindakan perhambaan atau pengabdian, buruh paksa atau wajib, atau pemerdagangan manusia. Pekerjaan tersebut juga mesti diberi pampasan yang adil dan dilakukan dalam keadaan yang selamat dan sihat.

Kami menghendaki anda - dan sesiapa sahaja yang menyediakan barang atau perkhidmatan kepada anda - supaya mematuhi semua keperluan peraturan berkaitan antiperhambaan dan pemerdagangan manusia (seperti Akta Perhambaan moden United Kingdom (U.K. Modern Slavery Act)). Kami juga menghendaki anda melaksanakan kawalan dan prosedur yang sewajarnya di dalam syarikat dan rantaian bekalan anda untuk menghalang perhambaan moden dan bahawa anda tidak mengambil tindakan yang mungkin mengakibatkan Iron Mountain tidak mematuhi keperluannya sendiri.

# KESIHATAN, KESELAMATAN DAN SEKURITI

---

Iron Mountain sangat komited menjaga kesihatan keselamatan dan sekuriti semua kakitangannya. Sememangnya, **Keselamatan dan Sekuriti Sendiri** ialah satu daripada Nilai murni syarikat kami. Oleh kerana pembekal kerap bekerja secara langsung dengan kakitangan Iron Mountain (atau pelanggan kami), anda diharap untuk mengambil semua langkah-langkah sewajarnya untuk mengesahkan latar belakang dan kelayakan kakitangan anda. Langkah tersebut mungkin termasuk kecekapan dan kemahiran, memeriksa sejarah jenayah, menilai rekod memandu, melaksanakan pemeriksaan status kesihatan, atau mengesahkan kelayakan kerja.

Apabila menyediakan perkhidmatan di kemudahan Iron Mountain, peraturan tambahan tertentu mungkin terpakai, seperti melakukan analisis bahaya pekerjaan sebelum melakukan kerja atau melaksanakan tugas, memaparkan lencana pengenalan, menjalankan pemeriksaan suhu, atau memakai kelengkapan pelindungan diri. Anda mungkin juga diminta untuk daftar masuk dan keluar kemudahan atau untuk kekal bersama pengiring Iron Mountain. Walau bagaimanapun, dalam semua kejadian pembekal perlu mengelakkan sebarang kelakuan yang dianggap merbahaya, mengugut, atau mengganggu, dan perlu melaksanakan perkhemian yang mematuhi undang-undang dan peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkenaan. Iron Mountain juga menggalakkan pembekalnya untuk mewujudkan prosedur disiplin jelas yang diguna pakai secara seragam oleh seluruh tenaga kerjanya.

## ANTIDISKRIMINASI, MENGGALAKKAN KEPELBAGAIAN DAN PELUANG PEKERJAAN SAKSAMA

---

Iron Mountain percaya bahawa komitmen kami yang kuat terhadap perangkuman dan kepelbagaian menjadikan kami syarikat yang lebih baik dan kuat. Perkara tersebut menyumbang secara langsung kepada keupayaan kami untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang luas dan berjaya di dalam pasaran. Bagi membantu mencapainya, kami membuat keputusan pekerjaan secara khusus berdasarkan keupayaan individu untuk melaksanakan pekerjaan - dan bukan berdasarkan padafaktor seperti kaum, agama, etnik, umur, jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan atau ciri lain yang tidak berkaitan dengan kemahiran atau kelayakan individu.

Iron Mountain menghendaki pembekalnya berjanji melakukan komitmen yang serupa: untuk sentiasa bertindak dengan mematuhi undang-undang antidiskriminasi dan mengambil langkah konkret ke arah memajukan matlamat menggalakkan perangkuman dan kepelbagaian serta menghapuskan diskriminasi di tempat kerja. Sebagai tanda kesungguhan dedikasi kami terhadap prinsip ini, Iron Mountain akan menimbangkan kepelbagaian tenaga kerja pembekal sebagai faktor positif sepanjang proses pemilihan.

# PERSEKITARAN DAN KELESTARIAN

---

Iron Mountain komited untuk menjalankan perniagaan dalam persekitaran yang lestari dan mampan. Oleh kerana kami menjalankan flit kenderaan yang besar dan memiliki pegangan harta tanah yang luas - termasuk pusat data - kami menyedari bahawa keputusan perniagaan dan amalan dalaman kami boleh memberikan kesan langsung kepada komuniti dan persekitaran kami. Oleh itu, kami beroperasi dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang persekitaran berkenaan dan berusaha secara berterusan ke arah meningkatkan kelestarian operasi kami. Iron Mountain hanya akan bekerjasama dengan pembekal yang beroperasi dengan mematuhi undang-undang alam sekitar yang terpakai dan kami lebih suka memilih pembekal yang berkongsi komitmen kami kepada amalan perniagaan yang kami gariskan dalam [laporan Tanggungjawab Sosial Korporat](#) kami.

## ANTIRASUAH DAN ANTIPENYELEWENGAN

---

Sebagai syarikat yang beroperasi di banyak negara yang berbeza di seluruh dunia, Iron Mountain komited untuk mematuhi setiap perkara yang dinyata dan dimaksudkan oleh undang-undang antirasuah dan antipenyelewengan yang berkenaan, seperti Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat (U.S. Foreign Corrupt Practices Act) dan Akta Rasuah United Kingdom (U.K. Bribery Act). Undang-undang ini, secara umumnya, melarang penyediaan, penawaran untuk menyediakan, atau mengizinkan individu lain menyediakan apa-apa benda yang bernilai kepada pegawai kerajaan atau pihak persendirian bagi tujuan mendapatkan perniagaan, mendapatkan kelebihan, atau mempengaruhi keputusan secara tidak wajar.

Kami mengambil komitmen ini secara serius-dan memerlukan tahap komitmen yang sama daripada pembekal kami. Pembekal Iron Mountain mesti mematuhi semua aspek undang-undang ini (dan yang berkaitan) - termasuk yang berkenaan dengan laporan kewangan, simpan kira, penyimpanan rekod dan penyerahan invois dan laporan perbelanjaan yang tepat.

Iron Mountain mendapatkan perniagaan berdasarkan merit produk dan perkhidmatannya-bukan menerusi rasuah, sogokan, hadiah dan hiburan yang tidak wajar, atau bayaran pemudahan. Walaupun ini berlaku secara umum, kewajipan tambahan boleh digunakan ketika berinteraksi dengan pegawai kerajaan, perniagaan yang dikendalikan oleh kerajaan, atau individu yang berkaitan dengannya.

# HADIAH DAN HIBURAN

---

Iron Mountain tidak akan memberi layanan istimewa kepada pembekalnya oleh kerana tawaran hadiah, hiburan, atau item bernilai lain oleh mereka. Pembekal tidak boleh menawarkan hadiah kepada Iron Mountain dalam usaha mempengaruhi keputusan perniagaan kami, atau untuk memperoleh kelebihan berbanding pembekal lain. Walaupun pemberian hadiah dibenarkan berdasarkan undang-undang dan dasar, pembekal tetap perlu menggunakan budi bicara dan pertimbangan yang baik, malah meskipun ihsan perniagaan yang "rutin" berpotensi menyebabkan situasi yang memalukan atau mewujudkan risiko bagi mereka yang terlibat.

Pembekal perlu membiasakan diri mereka dengan Dasar Hadiah, Hospitaliti dan Sumbangan Amal Iron Mountain dan tidak menawarkan atau menerima hadiah yang boleh melanggarinya.

# MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KEPADA KERAJAAN

---

Kerajaan di seluruh dunia mempercayai Iron Mountain untuk melindungi maklumat penting dan aset yang tidak boleh digantinya. Walaupun kami bertindak dengan integriti yang tinggi dengan semua pelanggan kami, perkhidmatan kepada pihak kerajaan sering kali disertakan bersama kewajipan tambahan - iaitu sebagai pembekal kami yang dipercayai, mungkin boleh diserahkan kepada anda.

Apabila menyediakan perkhidmatan bagi pihak Iron Mountain kepada pihak kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, atau kerajaan tempatan, anda mungkin tertakluk kepada keperluan tertentu yang berkaitan dengan gaji, waktu bekerja, keadaan bekerja, penetapan harga, pemberian hadiah, melobi, konflik kepentingan, atau pengendalian maklumat yang sewajarnya. Terdapat kemungkinan ada keperluan operasi unik, atau pengehadan individu yang layak (atau dibenarkan) untuk menyediakan perkhidmatan.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memahami dan berpegang teguh kepada komitmen pematuhan yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan kepada kerajaan - sama ada ia diguna pakai ke atas anda mengikut undang-undang, atau menerusi kontrak anda dengan Iron Mountain.

# KONFLIK KEPENTINGAN

---

Apabila persahabatan, hubungan kekeluargaan, kepentingan kewangan, atau keadaan lain yang serupa mengganggu (atau berpotensi mengganggu) keupayaan anda untuk membuat keputusan perniagaan yang jujur dan adil, atau menyediakan produk atau perkhidmatan kepada Iron Mountain, mungkin akan mewujudkan konflik kepentingan. Pembekal perlu menyuarakan apa-apa kebimbangan (atau potensi kebimbangan) kepada Iron Mountain sebelum hubungan perniagaan dibentuk, atau pada bila-bila masa selepasnya, sekiranya terdapat konflik baharu wujud.

## PERATURAN SEKATAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

---

Kami beroperasi di banyak negara yang mengenakan kawalan ke atas import dan eksport kelengkapan dan data sensitif (seperti perkakasan komputer dan teknologi penyulitan). Terdapat juga sekatan global untuk menjalankan perniagaan dengan kumpulan, individu, atau negara tertentu. Mematuhi dengan ketat sekatan antarabangsa dan peraturan perdagangan adalah amat penting untuk memelihara keupayaan kami menjalankan perniagaan pada peringkat antarabangsa dan merupakan cara penting kami menghayati Nilai murni **Keselamatan dan Sekuriti Kami Sendiri**. Atas sebab itu, kami tidak dapat bekerjasama dengan pembekal yang muncul dalam senarai sekatan kerajaan. Sekiranya anda menyedari yang anda muncul dalam senarai tersebut, sila bawa kepada pengetahuan wakil Iron Mountain anda sebelum membekalkan kami barang atau perkhidmatan. Walaupun sekatan peraturan penting ini terpakai kepada anda - dan kami menjangkakan anda memahami dan mematuhiinya - peraturan ini juga terpakai kepada pembekal anda dan kami menghendaki anda memberitahu kepada yang terlibat dengan sewajarnya.

## PERDAGANGAN ORANG DALAM

---

Iron Mountain merupakan syarikat dagangan awam dengan pelbagai tanggungjawab perundangan kepada para pemegang saham dan pengawal selia kerajaan. Sebagai pembekal, anda mungkin diberikan kepercayaan untuk menjaga maklumat yang belum pernah (atau mungkin tidak akan) didedahkan kepada umum. Maklumat ini boleh menjelaskan harga saham kami, atau penilaian syarikat lain. Standard etika kami (dan undang-undang) melarang keras anda daripada bertindak dengan menggunakan maklumat tersebut. Ini bukan sahaja diguna pakai kepada anda dan pekerja anda secara langsung, tetapi kepada keluarga, rakan, atau sesiapa yang mungkin layak untuk membuat keputusan pelaburan berdasarkan maklumat tersebut. Sekiranya anda mempunyai akses kepada maklumat tersebut, anda diharapkan supaya merahsiakan dan menjaganya dengan penuh perhatian dan mengikut budi bicara anda.

# ANTITRUST DAN PERSAINGAN ADIL

---

Iron Mountain komited untuk bersaing dengan adil dalam pasaran dan untuk mematuhi semua undang-undang berkenaan yang berkaitan dengan antitrust dan persaingan adil. Kami sentiasa mengelakkan situasi yang boleh menyebabkan ia dilihat sebagai tidak sesuai atau satu penipuan.

Apabila menyediakan perkhidmatan kepada Iron Mountain, kami memerlukan anda untuk mematuhi standard perundangan dan etika ini - dan secara khususnya mengelakkan daripada mengumpul atau berkongsi maklumat persaingan sensitif seperti senarai pelanggan atau maklumat penetapan harga dan diskaun.

## PENGGUNAAN SUBKONTRAKTOR

---

Iron Mountain menghargai bahawa dalam persekitaran perniagaan hari ini, pembekal mungkin mempunyai alasan memberikan subkontrak untuk aspek penyerahan perkhidmatan tertentu. Untuk menjadi pembekal Iron Mountain, anda mesti melepassi proses perolehan yang berdaya saing, yang akan melibatkan usaha wajar perniagaan anda yang rapi. Oleh itu sebelum anda membahagikan tugas kepada subkontraktor, anda dijangkakan (atau mungkin dikehendaki oleh undang-undang atau kontrak) untuk melaksanakan usaha wajar pada tahap yang serupa ke atasnya dan memaklumkan kepada subkontraktor berkenaan semua kewajipan perundangan dan kontrak yang sewajarnya (termasuk terma ketakdedahan dan kerahsiaan, atau peruntukan yang diperlukan semasa menyediakan perkhidmatan kepada kerajaan). Kemudiannya, anda bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan pematuhan subkontraktor anda dengan semua kewajipan yang telah anda serahkan.

Anda juga perlu menyemak kontrak anda untuk memastikan jika anda perlu untuk memberikan Iron Mountain notis, atau memperoleh persetujuan kami sebelum mula membuat subkontrak.

## JENAMA DAN REPUTASI

---

Sebagai pembekal Iron Mountain, tindakan dan amalan perniagaan anda secara langsung boleh memberikan kesan kepada aset kami yang paling bernilai: reputasi kami. Perkara ini benar-benar berlaku terutamanya apabila anda berurusan secara langsung bagi pihak kami dengan pelanggan kami atau orang awam. Atas sebab yang demikian, anda perlu sentiasa berkelakuan dengan penuh beretika dan bertanggungjawab, itu konsisten dengan Nilai murni serta Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan kami.

Melainkan jika anda diizinkan dengan jelas untuk berbuat demikian, anda mungkin tidak boleh membuat rujukan umum kepada hubungan perniagaan kami, atau membuat kenyataan (dalam apa-apa medium) mewakili Iron Mountain. Semua pertanyaan akhbar (termasuk media sosial) perlu dirujuk kepada wakil Iron Mountain anda.

# MENILAI PEMATUHAN DAN MELAPORKAN PELANGGARAN

---

Sebagai pembekal Iron Mountain, adalah menjadi kewajipan anda untuk mematuhi peruntukan Kod ini dan tertakluk kepada terma audit yang mungkin terdapat dalam perjanjian anda, Iron Mountain berhak mengesahkan pematuhan. Bagi membantu memberikan jaminan, kami boleh meminta anda menjawab soalan berkenaan peruntukan Kod ini dan memberikan dokumen atau bukti yang menyokong pematuhan anda.

Adalah menjadi kewajipan anda juga untuk melaporkan dengan segera pelanggaran yang disyaki atau sebenar terhadap kod ini, undang-undang, atau aspek lain perniagaan anda dengan Iron Mountain. Semua laporan akan diambil serius, dan akan disiasat dengan teliti. Semua maklumat yang anda sediakan akan diuruskan dengan penuh budi bicara, dan akan dirahsiakan sebaik mungkin.

Anda digalakkan untuk melaporkan pelanggaran kepada wakil Iron Mountain anda. Apabila ini tidak mungkin atau tidak wajar dilakukan, sila hubungi pasukan Privasi dan Pematuhan di [compliance@ironmountain.com](mailto:compliance@ironmountain.com), atau Talian Etika Iron Mountain. Talian Etika dikendalikan oleh syarikat bebas, dan (di mana dibenarkan oleh undang-undang) anda boleh memilih untuk kekal tanpa nama sepenuhnya. Untuk membuat laporan dalam talian, atau mengakses senarai nombor telefon Talian Etika antarabangsa, sila lawati [www.IMEthicsLine.com](http://www.IMEthicsLine.com). Kegagalan untuk melaporkan pencabulan mungkin akan menyebabkan pembatalan hubungan perniagaan kita.

## TIADA TINDAKAN BALAS

---

Iron Mountain mempunyai dasar tiada tindakan balas yang ketat berkenaan dengan laporan pelanggaran undang-undang atau etika yang dibuat dengan niat baik. Mana-mana kakitangan atau pengurus yang bertindak balas, cuba untuk bertindak balas, atau menggalakkan yang lain untuk bertindak balas, terhadap seorang kakitangan atau pembekal yang telah melaporkan pencabulan akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk dibuang kerja. Iron Mountain akan berusaha menamatkan hubungan perniagaannya dengan anda sebagai pembekal sekiranya kami mendapati bahawa anda telah melakukan tindakan balas terhadap seorang daripada pekerja anda sebagai respons terhadap pelaporan pelanggaran mereka.

## TIADA PENCPTAAN HAK PIHAK KETIGA

---

Tatakelakuan Pembekal Iron Mountain tidak mencipta hak baharu atau tambahan bagi pihak ketiga (atau benefisiarinya). Ini termasuk hak pekerja pembekal yang menyebabkan Iron Mountain menguatkuasakan mana-mana peruntukan Kod ini.

Kod ini melengkapkan, tetapi tidak menggantikan, hak dan kewajipan yang ditetapkan di bawah kontrak antara Iron Mountain dan pembekalnya.



800.899.IRON | IRONMOUNTAIN.COM

#### MENGENAI IRON MOUNTAIN

Iron Mountain Incorporated (NYSE: IRM), diasaskan pada tahun 1951, ialah peneraju global untuk perkhidmatan pengurusan penyimpanan dan maklumat. Dipercayai oleh lebih daripada 220.000 organisasi di seluruh dunia dan dengan rangkaian harta tanah lebih daripada 85 juta kaki persegi merentasi lebih daripada 1,400 kemudahan di lebih daripada 50 negara, Iron Mountain menyimpan dan melindungi berbilion aset maklumat, termasuk maklumat perniagaan yang amat penting, data yang terlalu sensitif dan artifikat budaya dan sejarah. Memberikan penyelesaian yang merangkumi penyimpanan selamat, pengurusan maklumat, transformasi digital, pemusnahan selamat, serta pusat data, penyimpanan hasil seni dan logistik, serta perkhidmatan awan, Iron Mountain membantu organisasi mengurangkan kos dan risiko, mematuhi peraturan, pemuliharan daripada bencana dan membolehkan cara kerja yang lebih digital. Lawati [www.ironmountain.com](http://www.ironmountain.com) untuk maklumat lanjut.

©2021 Iron Mountain Incorporated. Hak cipta terpelihara. Iron Mountain dan reka bentuk gunung adalah tanda dagangan berdaftar Iron Mountain Incorporated di A.S. dan negara lain. Semua tanda dagangan dan tanda dagangan berdaftar lain adalah kepunyaan pemilik mereka masing-masing.